

<sup>34</sup>  
**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK  
[TANJONG]

**TARIKH :** 10 OGOS 2017

**SOALAN :**

**YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan dan nilai peningkatan atau pengurangan dari segi nilai aset peribadi bagi setiap Menteri Kabinet mengikut perbandingan yang dibuat terhadap masa pelantikan mereka sebagai seorang Menteri Kabinet dengan nilai aset peribadi terkini yang dimiliki oleh mereka masing-masing.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 April 2009 telah bersetuju bahawa Anggota Pentadbiran mengemukakan pengisytiharan harta masing-masing kepada Perdana Menteri. Anggota-Anggota Pentadbiran dikehendaki mengisytiharkan pemilikan dan pelupusan harta masing-masing setiap 2 tahun sekali. Sekiranya terdapat keperluan dari segi undang-undang, pihak-pihak berkuasa yang berkaitan boleh mendapatkan akses kepada maklumat pengisytiharan harta tersebut.

Sekian, terima kasih.